



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 2 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

50 pekerja kilang kitar semula dicekup

Klang: Tindakan sebuah kilang kitar semula di Kawasan Perindustrian Selat Klang Utara, Pelabuhan Klang, di sini, menggaji pekerja warga asing mengundang padah apabila diserbu pihak berkuasa, Selasa lalu.

Dalam serbuan jam 2.51 petang, ada pekerja warga asing cuba melarikan diri namun gagal apabila ditahan anggota penguatan kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Serbuan dilakukan Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama sepasukan pegawai Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, berdasarkan maklumat awam dan risikan dua minggu, pasukan operasi diatur gerak



ANTARA warga asing yang ditahan di sebuah kilang kitar semula dekat Pelabuhan Klang.

ke lokasi.

Menurutnya, pihaknya menahan seorang perempuan warga tempatan disyaki penjaga premis.

"Turut ditahan 23 lelaki warga Bangladesh, 17 lelaki warga Myanmar, seorang lelaki warga Nepal, seorang lelaki warga China, lima wanita warga Myanmar, seorang wanita

warga Vietnam dan seorang wanita warga China.

"Semua 50 pekerja warga asing berusia 20 hingga 46 tahun ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Ruslin berkata, semakan awal mendapati enam lelaki warga Bangladesh itu menyalahgunakan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk bekerja di

premis berkenaan.

Katanya, dua lelaki Bangladesh lain tinggal lebih masa manakala warga asing lain tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas untuk berada di negara ini.

"Kita merampas lesen, dokumen syarikat, sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), rekod perniagaan, 10 passport Bangladesh, tiga passport Myanmar, dua telefon bimbit, satu set komputer, 22 keping kad perakam waktu dan wang tunai sebanyak RM2,900 untuk siasatan," katanya.

Menurutnya, siasatan dibuat mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, manakala wanita tempatan disiasat mengikut Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



BANK NEGARA mengingatkan orang ramai supaya berwaspada dalam membuat pelaburan.

Libatkan barang mewah, 92 akaun milik syarikat

Bank Negara sita aset bernilai lebih RM30j

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

PETALING JAYA – Bank Negara Malaysia (BNM) merampas serta menyita pelbagai barang mewah serta 92 akaun bank membabitkan nilai lebih RM30 juta milik syarikat pelaburan yang disyaki menjalankan aktiviti penipuan.

BNM dalam satu kenyataan memaklumkan, rampasan dan sitaan dibuat hasil operasi bersepdua yang dijalankan di 12 premis sekitar Lembah Klang sejak kelmarin.

Katanya, serbuan tersebut hasil kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), CyberSecurity Malaysia (CSM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Pusat Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

"Tindakan penguatkuasaan bersama diambil terhadap XFOX Market Sdn. Bhd. dan beberapa entiti lain kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan

"Dalam serbuan itu, pelbagai dokumen dan barang berkaitan yang diperlukan bagi membantu siasatan dirampas selain turut menyita pelbagai aset seperti emas, wang tunai berjumlah lebih RM4.85 juta. Ini termasuklah mata wang asing, mata wang kripto, kenderaan dan barang mewah.

"Selain itu, 92 akaun bank berjumlah RM25.4 juta dan peti simpanan dibekukan," kata BNM dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan sama, BNM menjelaskan bahawa siasatan dijalankan mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Seksyen 112 dan 113 Akta Cukai Pendapatan 1967, Seksyen 27B Akta Skim Jualan Langsung

dan Anti Piramid 1993 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

Sehubungan itu, BNM menggesa orang ramai untuk berwaspada dan melabur dengan entiti berlesen atau berdaftar dengan pihak berkaitan.

"Orang ramai juga dinasihati supaya berhati-hati mengenai peluang pelaburan yang menawarkan pulangan tinggi terutama di media sosial, e-mel atau telefon pintar.

"Sebarang aktiviti mencurigakan boleh dilaporkan menerusi Pusat Panggilan BNMLink di talian **1-300-88-5465** atau eLink bnm.gov.my atau KPDN di **1-800-886-800** atau eduan.kpdn.gov.my atau Suruhanjaya Sekuriti di talian **03-62048999** atau aduan@seccom.com.my," katanya.

RM30 juta dibeku

Barangan mewah, 92 akaun bank milik XFOX Market disiasat

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelbagai barang mewah dan 92 akaun bank dianggarkan bernilai lebih RM30 juta milik syarikat pelaburan yang disyaki menjalankan aktiviti penipuan pelaburan dirampas dalam serbuan, Selasa lalu.

Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi kenyataan berkata, rampasan dan sitaan dibuat dalam operasi bersepadu ke atas 12 premis sekitar Lembah Klang.

Menurutnya, tindakan penguatuasaan diambil terhadap XFOX Market Sdn Bhd dan beberapa entiti lain kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan.

"Dalam serbuan itu, pelbagai dokumen dan barangan berkaitan dirampas bagi membantu siasatan.

"Turut dirampas pelbagai aset terdiri daripada emas, wang tunai berjumlah lebih RM4.85 juta termasuk mata wang asing, mata wang kripto, kenderaan dan barang mewah.

"Selain itu, 92 akaun bank berjumlah RM25.4 juta dan peti simpanan dibekukan,"

12

Jumlah premis milik XFOX Market yang diserbu.

kata kenyataan itu.

Serbuan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), CyberSecurity Malaysia (CSM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Pusat Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

BNM berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Seksyen 112 dan Seksyen 113 Akta Cukai Pendapatan 1967 serta Seksyen 27B Akta Skim Jualan Langsung dan Anti Piramid 1993.

Menurutnya, kes berkenaan juga disiasat mengikut Seksyen 4(1) Ak-

ta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

"Operasi berkenaan adalah sebahagian daripada usaha berterusan antara agensi untuk memerangi jenayah kewangan di Malaysia.

"Justeru, BNM menggesa orang ramai untuk berwaspada dan melabur dengan entiti berlesen atau berdaftar dengan pihak berkaitan," katanya.

Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati mengenai peluang pelaburan yang menawarkan pulangan tinggi terutama di media sosial, e-mel atau telefon pintar.

Sebarang aktiviti men-

curigakan boleh dilaporan menerusi Pusat Panggilan BNMLink di talian 1-300-88-5465 atau eLink bnm.gov.my atau KPDN di 1-800-886-800 atau aduan.kpdn.gov.my atau Suruhanjaya Sekuriti di talian 03-62048999 atau aduan@seccom.com.my.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan sebuah syarikat pelaburan yang disyaki menjalankan aktiviti penipuan pelaburan diserbu oleh pihak berkuasa dan pelbagai kenderaan mewah dirampas.

Difahamkan, serbuan oleh pasukan KPDN serta BNM itu dijalankan di pejabat serta kediaman pemilik syarikat di Subang, Selangor.



TINJAUAN di beberapa premis XFOX Market Sdn Bhd di sekitar Subang Bestari.

WILAYAHKU | 2 - 8 OGOS 2024

Program Temu DBKL

DEKATI WARGA KOTA

SABRINA SABRE

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengajurkan Karnival Santai Keluarga 50WP bagi memperkuat hubungan di antara pihak berkuasa tempatan itu dengan warga kota.

Karnival yang merupakan program kemuncak bagi sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan itu dianjurkan bersama Program Temu DBKL @ Wangsa Maju selama dua hari iaitu pada 27 dan 28 Julai 2024 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Taman Tasik Dianau Kota.

Aktiviti karnival pada 27 Julai dimulakan dengan acara Senandika Filantropi Alami dengan aktiviti seperti Koncert Puisi, Marathon Kucing serta Pameran Seni dan Kraft.

Pada 28 Julai pula, para pengunjung karnival disajikan dengan rerai perkhidmatan daripada pelbagai jabatan DBKL dan agensi luar yang terlibat secara langsung dalam memberikan perkhidmatan kepada komuniti di Parlimen Wangsa Maju serta seluruh warga Kuala Lumpur.

Karnival yang diadakan selama dua hari itu juga sarat dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Sarapan Pagi Sihat @ WPKL, Jualan Agro MADIANI, Jualan KL Street Food, Program Kebun Komuniti dan Jualan Kebun Bandar LA21 serta

Pertandingan Dikir Barat Plial Datuk Bandar Kuala Lumpur 2024. Selain itu, turut diadakan aktiviti sukan seperti wall climbing pertandingan memancing serta banyak lagi.

Bersempena karnival ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dato' Zaliha Mustafa turut melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 di seluruh kawasan Kuala Lumpur.

"Pihak DBKL akan mengedarkan lebih 40,000 Jalur Gemilang secara percuma kepada penduduk di sekitar ibu negara melalui Kempen Kibar Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan. Ia juga adalah sebagai satu galaskan dan inisiatif kepada penduduk di Kuala Lumpur untuk mengibarkan 1 Jalur Gemilang bagi setiap rumah."

"Kempen bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka itu bertujuan untuk meningkatkan rasa kebersamaan dan mewujudkan rasa bangga dalam setiap jiwa rakyat."

"Kita akan keluaran lebih 40,000 bendera untuk diedarkan kepada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, Majlis Perwakilan Penduduk, persatuan penduduk dan institusi pendidikan di sekitar Kuala Lumpur dan mereka

boleh mengambil kesempatan mengibarkan Jalur Gemilang menuju ke tarikh 31 Ogos ini untuk menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia kali ke-67," katanya ketika ditemui pada Karnival Santai Keluarga 50WP dan Program Temu DBKL @ Wangsa Maju pada Ahad.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Indera Noridah Abdul Rahim dan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Ts Zahir Hassan.

Dalam masa sama, Zaliha berkata program di lapangan yang dianjurkan pihak DBKL itu adalah satu inisiatif *outreach* yang patut diberikan pujian kerana ia dilahat dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman warga kota mengenai produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

"Program bersama warga kota ini dapat beri ruang untuk penjawat awam bekerja secara produktif dalam menyampaikan perkhidmatan, bukan setakat hanya berbunkung ke pejabat dan sebagaimana."

"Ia akan memberi kesan kepada tatakelola yang baik kerana saya faham di mana-mana sahaja pasti ada proses birokrasi yang berlapis-lapis yang mungkin sedikit menyukarkan rakyat untuk berurus. Perjumpaan agensi dengan penduduk secara terus di lapangan secara tidak langsung dapat memudahkan urusan setiap orang kerana ia terus dilaksanakan."

"Ika ke pejabat dengan ruang lingkup yang terhad akan perlu mengambil proses yang lama. Tapi apabila kita merakyatkan penduduk dengan cara begini, setiap agensi yang turun padang juga dapat perkenalkan produk mereka kepada setiap orang," ujarnya.

Pelbagai program telah

dirangka DBKL sepanjang Bulan Kebangsaan termasuk kempen dan pertandingan kibar Jalur Gemilang serta pertandingan pencapaian untuk bangunan-bangunan di sekitar Kuala Lumpur.

Zaliha juga memaklumkan pengedaran Jalur Gemilang itu akan turut diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Pada program itu juga, 10 pemenang Pasport 50WP yang berjaya melengkapkan cabaran 50 lokasi tempat menarik diumumkan dengan pemenang utama menerima ganjaran wang tunai bernilai RM20,000.

Program berkenaan menerima 7,750 penyertaan dan la memberi peluang kepada peserta untuk meneroka serta merakamkan gambar di lokasi serta destinasi menarik dan bersejarah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sementara itu, pengajuran karnival ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Pejabat

Khidmat Masyarakat Parlimen Wangsa Maju, agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Seterusnya, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIP) serta sembilan sekolah menengah di sekitar Wangsa Maju juga turut terlibat bagi menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang karnival ini berlangsung.


AKTIVITI memancing antara pengisian Program Temu DBKL @ Wangsa Maju.




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 OGOS 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
2-Aug	Perang ke atas gula, inilah masanya!	https://www.sinarharian.com.my/article/677959/suara-sinar/pojok/perang-ke-atas-gula-inilah-masanya	SINAR HARIAN
2-Aug	Imigresen, JAS gempur kilang e-waste	https://www.sinarharian.com.my/article/677977/berita/semasa/imigresen-jas-gempur-kilang-e-waste	SINAR HARIAN
2-Aug	MOTAC, MOF bantu pemain industri pelancongan terkesan penyasarans diesel	https://www.tvsarawak.my/2024/08/01/dewan-negara-motac-mof-bantu-pemain-industri-pelancongan-terkesan-penyasarans-diesel/	TV SARAWAK
2-Aug	BNM sita barang mewah, 92 akaun bank bernilai lebih RM30 juta	https://www.kosmo.com.my/2024/08/01/bnm-sita-barang-mewah-92-akaun-bank-bernilai-lebih-rm30-juta/	KOSMO
2-Aug	KERANGKA KAWAL SELIA BAHARU INTERNET SELAMAT, TIDAK HALANG PELABURAN - FAHMI	https://www.bernama.com/bm/dunia/news.php?id=2324125	BERNAMA
2-Aug	Bank Negara seizes over RM30m worth in cash, gold, cryptocurrency and luxury vehicles from Klang Valley investment firm	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/08/01/bank-negara-seizes-over-rm30m-worth-in-cash-gold-cryptocurrency-and-luxury-vehicles-from-klang-valley-investment-firm/145636	MALAY MAIL
2-Aug	Bank Negara seizes over RM30 mln worth in cash, gold, cryptocurrency, and luxury vehicles from Klang Valley investment firm	https://www.theborneopost.com/2024/08/01/bank-negara-seizes-over-rm30-mln-worth-in-cash-gold-cryptocurrency-and-luxury-vehicles-from-klang-valley-investment-firm/	THE BORNEO POST

2-Aug	KPDN serbu stor haram simpan 59,500 liter diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/678074/edisi/selangor-kl/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-59500-liter-	SINAR HARIAN
2-Aug	Risikan tiga minggu patahkan sindiket seleweng diesel bersubsidi di Sekinchan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1117719/risikan-tiga-minggu-patahkan-sindiket-seleweng-diesel-	HARIAN METRO
2-Aug	Stor diesel haram bersubsidi nelayan di Bagan Sekinchan diserbu	https://malaysiaga-zette.com/2024/08/01/stor-diesel-haram-bersubsidi-nelayan-	MALAYSIA GAZETTE
2-Aug	Sindiket seleweng subsidi di Sekinchan tumpas	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1279222/sindiket-seleweng-subsidi-	BERITA HARIAN
2-Aug	Kerajaan sedang teliti keperluan subsidi diesel bersasar untuk sektor pelancongan	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-sedang-teliti-keperluan-subsidi-diesel-bersasar-untuk-sektor-pelancongan/	BULETIN TV3